

Tunggu Teduh Dulu

Faisal Tehrani

Terbitan Bersama:



"Kerja Tuhan siapa
yang tahu?"



Prolog

Tuhan mencipta bumi, langit, syurga, bintang-bintang, bulan dan hujan. Tuhan mencipta manusia. Tuhan mengatur semua. Jalur hidup insan—warna cerah atau kelam, hujan atau teduh.

Seorang mahu menjadi manusia. Saya selalu melaung di puncak bukit kecil tempat kami bertiga selalu bermain, “Saya manusia, mahu menjadi hamba.” Usia lima belas tahun, saya sudah pandai bermain bahasa. Seorang akan tercabar dan lekas mengejek, katanya, “Saya yang akan jadi penyair besar.”

Seorang lagi akan berfalsafah seperti biasa, “Hidup akan dicorak oleh kita. Puncak bukit ini akan jadi tempat bertemu semula.”

Kami sering menyanyi bersama lagu *Dalam Kenangan*, suara halus akan tertebat ke seluruh langit,

dibawa angin menderu ke bawah bukit, lalu hilang ditelan tanah-tanah subur di bawah sana.

Kemudian puncak bukit disirami hujan. Gerimis yang berderai halus menjadi curahan lebat. Kami semua berteduh di bawah bangsal kecil. Seorang akan mengaku menjadi pelangi. “Selepas hujan teduh, pelangi akan bersinar untuk kamu, Salsabila.” Seorang lagi akan lebih mengusik, “Tetapi setelah hujan teduh, pelangi akan muncul lalu mesti ada matahari, dan akulah matahari untuk kamu.”

Tiga remaja. Saya masih ingat usia sangat pucuk, tetapi cita-cita sudah melangit. Lam Ping Hai, dia mahu memeluk Islam dan melamar saya nanti. Kamil Zahidi, katanya dia mahu menjadi pelangi, kerana seorang suami, itulah tanggungjawabnya; memberi warna kepada isteri.

Saya tidak pernah tahu mereka hanyalah satu singgahan dalam hidup. Lama kemudian saya mengerti rencana dan jalur yang ditentukan Tuhan bahawa mereka ibarat teduh sementara. Ada teduhan lain yang bakal saya susuri.

Setahun kemudian, kami bertemu di puncak bukit lagi. Mata bertakungan air mata, Lam Ping Hai harus pergi, tetapi katanya dia akan tetap kembali. Keluarganya memutuskan untuk memulakan hidup baru di Kuching. Kamil ke sekolah berasrama penuh. Dia berjanji untuk belajar bersungguh-sungguh dan akan pulang lagi. Kemudian dengan wajah duka dan air mata masih berjujukan, kami bubar.

Persahabatan kami sandarkan penuh di tangan Tuhan. Persahabatan itu akan datang kembali, kemudian bubar lagi. Seperti yang saya katakan, apakah yang dapat dijangkakan pada masa hadapan?

Puncak bukit sunyi sejak itu. Tiada lagu *Dalam Kenangan* bersipongang. Alam terasa muram.

Kalau nanti bertemu, akan saya katakan apa kepada mereka? Apakah Kamil sudah menjadi penyair? Apakah Lam Ping Hai telah mengucap dua kalimah syahadah dan beriman, langsung tasdik di hati terserlah pada kata-kata serta perbuatan? Andai benar-benar yang seorang mahu menjadi pelangi dan yang seorang lagi menjadi mentari, akan dipilih siapa?

Saya bermula dengan kisah ringkas diri ini. Saya Salsabila Fahim telah banyak menderita. Tetapi jangan salah faham kerana saya tidak pernah menyalahkan.

Tuhan telah memberi jalur dan warna tertentu untuk kita, kata saya terdahulu. Dia Yang Maha Esa telah mencipta bumi, langit, syurga, bintang-bintang, bulan dan hujan. Tuhan mencipta manusia. Dan manusia tak berada di dunia tiba-tiba.

Sebagai hamba, kita akan diduga, diberi bahagia, diberi peta. Kadang ada bahagian yang dapat kita lakar, selalunya ada bahagian cuma kita merencanakan dan Dia lebih menentukan. Peta itu ada sudut sudah digores, ada bucu masih kosong, menanti masa terlukis.

Saya pulang menuntut daripada Pengajian Pentadbiran di sebuah universiti terkemuka di Amerika, terumbang-ambing seketika tanpa pekerjaan. Ibu

meninggal sewaktu masih anak-anak, saya kurang mengingat rupanya bagaimana. Dan ayah pergi pula menurut ke alam barzakh sewaktu saya masih di Amerika. Saya tidak dapat bertemu ayah. Dia meninggal di Arafah, selepas wukuf.

Maka tanah di bawah puncak bukit itu, seperti yang sering disebut ayah, menjadi hak saya. Tanah-tanah di kampung menjadi hak ibu tiri saya dan adik, Shahruzzaman Fahim.

Alangkah baik jika adik lebih akur, lebih menjadi insan dan tidak begitu liar. Alangkah baiknya kalau doa ayah di hadapan Kaabah akan lebih makbul supaya adik mahu mengerti bahawa hidup di dunia bukan suka-suka sahaja kerana kita mesti ada tujuan.

Tetapi ayah juga sering mengingatkan bahawa doa Nabi Musa empat puluh tahun baru diberi kurnia dan doa Nabi Nuh supaya anaknya diberi keampunan tidak pernah ditunaikan Tuhan. Doa para nabi sendiri ditimbang Tuhan, sedang ayah cuma seorang imam di sebuah masjid kecil.

Sepuluh tahun terlalu lama, terlalu banyak musim telah datang jua telah pergi dalam tempoh selama itu. Tapi saya kira saya sedikit hairan. Kenangan selama sepuluh tahun masih berputar-putar dalam kotak fikiran. Album-album gambar belum lusuh. Mungkin sedikit kepam, agak berdebu, kuning dimamah waktu, tetapi dalam jiwa ia segar sampai bila-bila. Sudah bertahun ia tersimpan kekal dalam nurani, tentu sahaja ia akan kekal dalam nubari.

Kisah ini mungkin kisah saya. Kisah penuh peribadi. Boleh jadi tidak akan ada sesiapa mengerti. Juga tidak akan ada sesiapa peduli. Masing-masing dalam hidup punya cerita, mengapa mahu membaca cerita orang lain? Tidak mengapa, saya cuma akan bercerita kepada yang mahu tahu.

Barangkali ada pengajaran, barangkali terdapat sesuatu. Selepas ayah meninggal, tanah di bawah bukit jadi milik saya. Akan saya apakan tanah seluas lima hektar? Saya tidak punya pekerjaan. Barangkali sekarang, kelulusan baik sahaja tidak memadai. Majikan menuntut pengalaman.

Kemudian datang Teh Sofia, anak Tan Sri Abdul Rahman yang gila-gila orangnya. Kami sama-sama menuntut di Amerika. Dia perempuan yang sukakan cabaran.

“Orang tak boleh pandang kita lemah. Kita perempuan Islam yang ada kekuatan dan maruah.”

Teh Sofia bilang, tanah dan bumi ini milik Tuhan dan kita harus pulangkan kepada-Nya dengan keyakinan. Dengan ketekunan. Berbakti kepada bumi, kepada tanah, ibarat berbakti kepada Tuhan, juga kepada diri.

Saya merenung ke tanah di bawah bukit. Meski ia di kaki bukit, air tidak bertakung. Bukit pula menghalang angin deras daripada melanda dan pancaran cahaya matahari sentiasa penuh.

Maka saya memberitahu Teh Sofia.

“Pia, kita jadi petani dan usahawan. Kita akan gunakan kurnia Tuhan.”

Teh Sofia tersenyum manis. Tidak saya tahu dia nanti terlalu berlabuh dalam hidup saya.

Saya menambah, “Pada tanah arwah ayah, apa kata kita tanamkan betik, kita bangunkan papaya?”

Di situlah ia bermula. Kerana niat murni saya itu, kerana tanah ayah akan diterangkan dan ditanami buah-buah papaya manis, maka Tuhan telah menemukan saya dengan mereka semula. Kamil Zahidi dan juga Lam Ping Hai.

Seorang mahu menjadi pelangi, yang seorang mengaku matahari. Dan saya cuma mahu menjadi seorang manusia, menjadi hamba; akan saya pilih siapa setelah teduh nanti?

Bukankah pelangi akan pergi apabila basah hujan kering di bumi, dan matahari akan terbenam apabila senja mendatangi?

Namun, biar saya mengingatkan, cerita ini bukan cerita cinta tiga segi. Ia lebih daripada itu. Ia cerita tentang pengorbanan manusia kepada Tuhan, cerita tentang takdir yang sangat manis setelah dikecap.

Ini kisah saya, bukan kisah mereka sahaja. Ini cerita bagaimana saya menunggu teduh dalam ribut. Ini cerita mengenai hubungan manusia dengan manusia dan hubungan manusia dengan Penciptanya.


Ini cerita bahawa hakikat seluruh alam semesta ini berasal daripada Allah dan akan kembali kepada-Nya, tidak dapat tidak. Itulah titik hubungan kita di muka bumi ini, titik hubungan kita dengan insan lain dan juga segala tindakan.

Kisah ini kecil. Moga-moga ada manfaat bersama dalam kecilnya.



Dunia kita di muka bumi ini
hanyalah persinggahan.

Kita cuma menunggu
berteduh, cukup sahaja
bekalan dan tiba masanya,
kita juga akan berangkat
seperti yang lain-lain.



Satu

Saya memandang penuh wajah Tan Sri Abdul Rahman. Lelaki itu tenang. Rambut memutih penuh uban. Pada janggutnya yang rapi ada warna putih. Meski kedut di pipi sudah memamah wajah, lelaki ini masih memiliki sisa kekacakan.

Teh Sofia, kening lebat dengan mata tajam. Mukanya yang panjang dengan bibir seulas comel membuatkan ramai lelaki kagum. Lelaki sering terkagum pada keindahan. Dan Teh Sofia jarang melayan, pesona mereka pada keindahan sementara. “Bila aku dah menggelambir nanti, semua lari!”

Teh Sofia menyiku saya. Lamunan mati andar. Tetap di kamar Tan Sri Abdul Rahman. Saya masih melekat pada kerusi kayu ramai. Mata tertangkap almari buku gaya Myanmar dengan keutuhan kayu jati, terpamer deretan *Tafsir al-Azhar*. Setiausaha Tan

Sri Abdul Rahman masuk. Saya menjeling sekilas, gadis bertudung putih mengenakan kurung sutera, menyerahkan kertas kecil kepada Tan Sri yang kemudian dihulurkan pula kepada Teh Sofia.

“Ini nombornya. Ayah cuma boleh minta pegawai bank jumpa kamu. Itu sahaja. Kalau kamu betul-betul bagus dan sediakan kertas kerja, perancangan siap dengan belanjawan yang teratur, semua akan jadi mudah. Jangan lupa berdoa dan tawakallah kepada Allah.”

“Kami perempuan, ayah!” Teh Sofia separuh mengeluh, menuntut.

“Tidak, tidak ... jangan bimbang. Insyallah zaman perempuan dipandang rendah sudah berakhir. Tentu tidak ada masalah.”

Saya dan Teh Sofia menyabung usaha. Teh Sofia lincah. Tambahan pula akaun banknya lebih meyakinkan untuk turun naik ke Bank Pertanian Malaysia. Tanah di kaki bukit itu sendiri menjadi cagar dan Teh Sofia ikut meletakkan banglo yang baru dibelinya sebagai sandaran. Saya tidak dapat menuturkan apa-apa melihatkan Teh Sofia sanggup berkorban. Sanggup meletak impian bahawa ia pasti menjadi nyata.

“Inilah cinta pertama aku, Sal. Tanah yang akan kita tanamkan payaya seluruhnya!”

Saya sekadar tertawa. Urusan mencari buruh di ladang, mendirikan bangsal untuk menghimpun buah dan stor simpanan di tangan saya. Enam bulan Teh Sofia berjuang meyakinkan bahawa wanita Islam memang

berkemampuan untuk membantu umat Islam menjadi umat pilihan.

Dengan bantuan daripada Bank Islam atas nama saya dan melalui gerak kerja Teh Sofia yang cekatan, pembiayaan Tabung Untuk Makanan di bawah Bank Pertanian diperoleh. Teh Sofia pulang dari bank suatu hari dengan wajah berseri. Mukanya merah di sebalik tudung polos coklat cair.

“Pembiayaan daripada Bank Pertanian untuk kos tanah tiga puluh peratus, modal kerja juga dan had pinjaman sembilan puluh peratus.” Teh Sofia mendakap saya erat. Ada air mata bahagia menitis.

“Setengah juta mereka sanggup beri, Sal! Kita akan bayar secara tahunan dan kadar faedah 3.75 peratus. Itu sudah cukup besar untuk kita yang mentah begini.”

Kini tanah di kaki bukit itu sedia untuk dikerjakan.

Teh Sofia pulang dari FAMA suatu hari yang redup. Juga, dengan muka merah dan senyum meleret.

“Senyum nakal lagi. Kenapa ni?”

Teh Sofia berpusing-pusing seketika sambil mendepangkan tangan. Saya sengih melihatnya. Teh Sofia dalam kurung biru berpadanan tudung lebar hitam polos kelihatan terkibar-kibar tatkala dia berpusingan begitu.

“Kenapa ni, Pia?” Saya makin tidak sabar.

“Tadi aku ke FAMA. Aku kagum dengan ciptaan Tuhan.”

Saya mengangkat kening kiri dan mengetap bibir.

“Ini cinta pandang pertama,” kata Teh Sofia, masih menggawang-gawangkan tangan.

Saya mencubit pinggangnya. “Amboi, jaga perangai Muslimah. Aku ingatkan cinta pertama kau projek kita ni.”

Teh Sofia ketawa. “Pegawai FAMA yang bekerjasama memantau dan menjaga ladang betik kita, Sal. Aduh, suaranya lembut lemak. Bibirnya cantik, sedikit pinggut di dagu bulat. Kulit cerah dengan kening lebat.”

“Hei ... hei, itu bukan mengagumi ciptaan Tuhan, itu nafsu!” Saya ketawa kecil.

“Betul, Sal. Dia terlalu kacak untuk menjadi pegawai botani. Tapi ah, benarlah ini kerja Tuhan. Papaya akan menemukan jodoh aku di sini. Dia akan datang ke ofis ni nanti, *err*, bila pula janji yang aku buat dengannya ... esok barangkali. *Emm*, banyak benda yang nak dia nasihati. Ah, aku sedia terima apa sahaja nasihatnya!”

Saya ketawa lebih panjang, membuka fail perancangan, lantas dengan wajah serius merenung Teh Sofia. “Jaga perangai. *Err*, aku dah tengok prospek semua. *Emm*, kita mungkin boleh mula dengan *Exotika*, betik ciptaan MARDI. Kacukan *Sunrise Solo* dengan *Subang 6*. Spesies ni berbunga selepas empat bulan, jadi kita akan dapat hasil yang cepat.”

“Ah, Sal, aku gila bayang!” Teh Sofia masih tersengih-sengih.

“Aku dah kira, satu hektar sekitar seribu ke dua ribu pokok saja. Dan, oh ya, laporan kaji tanah aku dah dapat juga hari ini. Julat pH optimum antara 6 ke 6 setengah, jadi tanah kita memang sesuai ditanam betik, Pia.”

“Benar Sal, aku tak pernah mempedulikan lelaki, tapi...” Teh Sofia bangun dan menghala ke mejanya dan bersuara lembut, “Dia umpama pelangi...”

Saya tersentak sedikit, memandang Teh Sofia bersungguh. Pelangi? Teh Sofia angguk-angguk, meminta saya percaya.

Pintu diketuk. Kepala Annette terjengul.

“Cik Sofia, Cik Salsabila ... *err*, ada pegawai dari FAMA di luar. Katanya dah buat temu janji dengan Cik Sofia.”

Mulut saya melongo. Teh Sofia terjegil biji mata. Menjerit halus perlahan, “Sal ... oh Tuhan, aku tak sangka dia akan datang seawal ni!”

“Pia, kalau nak suruh pegawai FAMA datang pun bagi tahulah aku dulu. Isy, kalau dia tak puas hati macam mana?” Saya menggelabah.

Teh Sofia menghampiri saya, memegang bahu. “Tenang ... kita akan tenang melihat dia, dia akan tenang melihat kita. Insya-Allah semuanya berjalan lancar. Fuhh, aku jampi ayat pengasih!”

“Kau jangan buat keputusan sendiri lain kali. Kita ni satu jemaah, tak boleh begini, urusan kena jelas.” Saya merungut, memandang Annette semula, tersedar setiausaha itu melihat aksi keanak-anakan majikannya.

“Panggil dia masuk,” kata Teh Sofia dengan suara bergetar.

Pegawai FAMA yang dimaksudkan melangkah masuk menerusi pintu yang dibuka separuh. Lelaki alis lentik, kening lebat dengan mata merenung tajam.

“Kamil?” Saya gamam.

Masih berwarna-warni seperti dulu, dengan suara dalam menyahut, “Salsabila?”



Sesudah subuh, saya membaca *mathurat*. Memejam mata, ayat-ayat suci al-Quran terlihat dalam benak. Kemudian diselang wajah Kamil diseli si kakak. Saya gagahi membaca sehingga selesai meski hati benar tergoncang.

Hati dilanda gempa, bagaimana Tuhan untuk kita menenangkannya? Rasa kasih sayang ini Kau yang mengilhamkan, Ya Allah. Khuatir — saya khuatir akan terbuai, diheret terhela oleh pesona sementara. Cinta, adakah cinta sesama manusia?

Saya memejam mata lebih bersungguh. Kamil Zahidi — katanya mahu menjadi pelangi. Jalur-jalur indah itu turun dari langit, barangkali sebenar-benar turun dari syurgaloka menyiram bahagia setiap Adam

dan Hawa di muka bumi. Dan sayalah Hawa yang menadah warna.

Kamil, dia masih lelaki dengan getar penuh menduga. Rindu yang ditahan bertahun-tahun, kini apakah diterjemah menjadi kasih?

Memang dia terlalu pelangi. Amat berseri. Kulitnya masih cerah seperti dulu. Bulu kening lebat dan bibir pemuda itu cantik dengan hidung tinggi berbulat di puncak.

Ya Allah, apakah saya akan menjadi Zulaikha yang terlalu terpesona? Terlalu tergoda hingga tanpa rasa segan dalam hati silu pada nurani, menyaran rasa berahi. Berilah petunjuk, ya Tuhan, supaya tidak menjalar kesasar tanpa pedoman.

Teh Sofia, teman baik saya itu gugup melihat Kamil tersenyum penuh manis dan merenung tepat kepada saya dengan wajah sendiri merona tersipu gadis Melayu. Waktu di ladang, Teh Sofia sudah merenung agak berbeza. Kami berjalan bertiga untuk melihat anak benih ditanam. Beberapa pekerja Bangladesh berterendak memberi tabik hormat kepada saya. Matahari memancar kasar.

“Wah, kalau panas begini selalu, hitam nanti awak, Salsabila!”

“Ah, saya yang tak tahan panas, Encik Kamil,” balas Teh Sofia buru-buru.

“Buat masa ini saya baru tanam. Anak benih memerlukan sehingga lapan minggu, bukan?” tutur

saya hati-hati. Saya dan Kamil jalan beriringan di antara batas. Teh Sofia di hadapan kerap menoleh.

Kamil senyum. Murah sungguh dia dengan senyum.

“Ya, sekitar itulah, tapi kalau tinggi sudah lima belas sentimeter kiranya sudah memadai. *Err*, minggu kedua hingga keempat itu dedahkan saja kepada matahari. Baja organik satu gram sudahlah setiap lubang.” Kamil bersungguh menghurai.

“Semua dah okey, kami bubuh juga *triple super phosphate*.” Saya memandang Kamil sepenuh hati. Sungguh saya rindukan dia. Tetapi bertemu begini caranya amat membataskan diri. Teh Sofia tampak panas. Antara kami terasa dingin. Matahari memancar tanpa kasihan.

Teh Sofia mahu benar mencelah, tetapi pengetahuan cetek di luar bidang urusan pinjaman dan pentadbiran kewangan, menjadikannya tohor maklumat untuk membalas bual membibit bicara. Tetapi dia nampak mahu menggagahkan juga, “Saiz lubang 45 x 45 x 45 sentimeter, bukan begitu, Encik Kamil?”

“Ya, sistem tanaman empat segi, Cik Sofia. Hah, Cik Sofia jangan lupa setengah kilo CIRP dicampur dengan tanah sebelum penanaman dan pastikan dilindungi. Ada pelindungnya?” Kamil memandang kepada saya. Saya tunduk dan mengangguk.

“*Err*, Encik Kamil ...” Saya mahu membalas, tetapi dada berdebar.

“Ah, awak janganlah berencik dengan saya, Salsabila.”

Teh Sofia menarik muka. “Encik Kamil, kami sudah tempah sungkupan tapi nampaknya belum tiba. Memang perlu untuk kawal rumpai ... bukan begitu, Cik Sal?” Pada kalimat ‘encik’ dan ‘cik’ itu sengaja ditekankan suaranya. Teh Sofia mara beberapa tapak ke hadapan. Kamil terkebil, mengangkat kening kiri.

“Nanti beli juga baja *borax*.” Kamil berjalan di antara batas yang dibuat untuk melindungi lubang-lubang betik.

Telefon berbip sekali. Saya membuka mata. Cahaya matahari sudah mulai menerobos masuk dari celah jendela ke kamar. Lama benar mengelamun. SMS daripada Kamil: *Jadi atau tidak merarau hari ini?*

Saya menghela nafas, jari lincah cekatan menekan kekunci untuk balasan: *Bawa Pia sekali, ya?*

Jeda seketika. Balasan lain tiba.

Antara kita saja. Bukankah saya mahu menjadi pelangi?

Saya gamam. Berfikir, ligat berfikir, bagaimana jika Teh Sofia terserempak dengan kami nanti. Akan saya bohongkan apa kepadanya kala keluar waktu makan nanti? Tidak pernah berenggang dengannya sebelum ini, kecuali jika ada urusan. Saya menggetap bibir. Ya atau tidak. Rindu dan kenangan sepuluh tahun terkilas semula di hadapan mata.

“Saya yang akan jadi penyair besar!” Laungan Kamil mencucuk-cucuk gendang, menjadi talun. Kemudian lagu itu, lagu yang sering dinyanyikan. Suara halus yang akan tertebar ke seluruh langit, dibawa angin menderu ke bawah bukit, lalu hilang ditelan tanah-tanah subur di bawah.

Sekarang tanah itu menemukan mereka semula. Lam Ping Hai, di manakah kau? Sudah berimankah kau, teman?

Saya mengerlip mata, melihat diri berlarian dalam derai halus hujan saat puncak bukit didaki kemengahan. Gerimis turun lalu mencurah lebat. Teduhan di bawah bangsal kecil. Kamil mengaku menjadi pelangi, “Selepas hujan teduh, pelangi akan bersinar untuk kau, Salsabila.” Dan impian Lam lebih menggigit, “Tetapi setelah hujan teduh, pelangi akan muncul lalu mesti ada matahari, dan akulah matahari untuk kau, Salsabila.”

Di luar sadar, saya membalas: *Insya-Allah*.

Tengah hari hadir, saya memberitahu Teh Sofia mahu mencari adik saya yang sudah tidak pulang ke rumah entah berapa hari.

“Jangan lama sangat, Sal. Aku tak berapa pandai menyelia budak-budak Bangla tu untuk buat pengairan. Nanti kurang lembap, anak benih rosak pula. Kerja merumput di pangkal pokok pun kita belum mulakan.”

Saya cuma angguk. Rasa bersalah dipadamkan. Saya bertemu dengan Kamil di sebuah restoran. Hidangan ditempah.

“Awak makin cantik.”

Saya senyum, memuji Allah Taala. Melihat Kamil sebagai lelaki dewasa di hadapan memberi natijah berlainan. Inikah pelangi saya? Kami makan, berkongsi cerita, bersenda dan tertanya-tanya akan ada tiadanya Lam Ping Hai. Ketika melangkah keluar dari restoran dan menghala ke kereta Kamil, dari arah bertentangan terpacul Teh Sofia entah dari mana.

Saya gugup, menelan liur. Teh Sofia makin hampir.

“Kau mencari Shahruzzaman? Dia ada di ladang mencari kau.”

Saya mahu membalas, tetapi segera dipintas, sopan lembut tetapi menghiris.

“Aku akan cuba faham”

Kamil di sisi terpinga-pinga. Terhidu ada persahabatan sedang tergugat.

"Tiada hari bagi kita kalau
kita tak bergerak hari ini."



Dua

Sesuatu yang paling sukar saya hadapi pastilah masalah dengan Shahruzzaman. Selepas emak meninggal dunia, ayah mengambil masa untuk berkahwin lain. Pak ngah dan mak ngah paling bersungguh memujuk ayah supaya mendirikan rumah tangga semula. Kehidupan kami amat tidak terurus.

Ayah akhirnya bersetuju, memandangkan makan dan minum saya tidak terjaga. Ayah menikah lagi. Hidup kami tenang. Tetapi kebahagiaan tidak begitu lama. Selepas Shahruzzaman lahir, saya terpinggir.

Masa banyak saya habiskan bersama teman-teman. Kamil dan Lam. Mereka memahami dan banyak membuat hidup ini daripada sengsara menjadi ria. Saya lebih banyak ke rumah nenek. Rumah sendiri bukan lagi laman riang.

Saya menumpukan sepenuh perhatian kepada pelajaran sedang Shahruzzaman sudah mulai menunjukkan warna berbeza. Lumba motor, mencuri getah sekerap, mengganggu anak gadis orang dan ayah sentiasa baran. Ibu tiri selalu mempertahankan.

Saat Kamil berangkat ke sekolah berasrama, kemudiannya Lam menghilang ke Kuching, ayah mengambil keputusan menempatkan saya bersama mak long yang kehilangan pak long. Saya tinggal bersama mak long di Kuala Lumpur, bersekolah lebih baik dan mendapat perhatian istimewa daripadanya yang kesunyian.

Sesekali pulang ke kampung, dikesani mak cik lebih banyak memerli — sendirinya makin menusuk, bahasa berkias makin terasa lukanya. Jelaslah saya benar-benar tidak digemari mak cik dan saya mengambil sikap tidak mahu membebankan ayah dengan hal-hal kecil seperti itu.

Kerana sedar tidak begitu diingini, maka saya menjauhkan diri. Hubungan dengan Shahruzzaman merenggang. Kami tidak seperti adik-beradik. Saya tahu dalam nurani paling dalam, dia iri terhadap saya, menyangka saya dimanjakan dan beroleh banyak kesempatan. Iri bertukar menjadi sakit hati lalu membengkak menjadi benci.

“Saya nak duit!” Shahruzzaman bersuara kasar di luar pejabat.

“Masuk, ikut kakak ke dalam.” Saya mempelawa Shahruzzaman masuk ke bilik pejabat. Saya tidak mahu pekerja bawahan menjadi saksi kami adik-beradik bertengkar.

Shahruzzaman, banyak bahagian ayah tertumpah. Matanya bulat hitam dengan kening lebat. Saya menjelingnya sekilas. Rambut pendek amat. Halkum ketara. Ada kesan gigitan di tengkuknya. Saya mendengus. Genggaman jari-jemari padu. Saya jadi gentar pula.

Saya banyak mendengar cerita daripada beberapa pekerja di ladang betik, dua tiga orang yang pernah bersekolah bersamanya. Shahruzzaman liar menunjuk belang di kelab-kelab malam.

“Dia ambil epal,” kata seorang bekas rakan sekolah Shahruzzaman di petak semaian kompos. Saya mengekor, membantu dia menyemai biji benih yang sudah direndam semalaman.

“Jarakkan sikit, Sazli, 2.5 sentimeter kalau boleh. Kembali tentang Zaman, epal itu apa benda?”

“Orang panggil ecstasy-lah.” Sazli renung saya, mula-mula berwajah serius kemudian tersenyum manis. Saya balas senyum itu. Senyum semanis itu tidak boleh kerap diladeni. Bimbang jadi fitnah.

Separuh gamam. Seliar itu Shahruzzaman? Saya pernah membaca kesan buruk pengambilan dadah ini. Ia menyebabkan peningkatan suhu badan lantas merosakkan buah pinggang. Kerana panas, penagih

cenderung banyak meminum air, santak kepekatan darah mencair dan saiz sel dalam badan mengembang.

“Saya nak duit, kak!”

Saya merenung Shahruzzaman. Masih mata bulat yang galak.

“Zaman nak buat apa?”

“Mak yang minta. Katanya tanah ni ayah punya. Hasil mesti kongsi bersama.” Shahruzzaman menyalakan rokok. Asap nipis dihembus, bau tidak menyenangkan tertebat ke seluruh kamar pejabat.

“Zaman, biji benih tak pindah pun lagi ke beg politena. Mana ada hasilnya. Kami keluarkan banyak duit. Kakak baru jumpa mak cik minggu lepas, kakak ada bagi duit dapur. Jangan gunakan nama dia dalam hal ni.” Saya duduk di kerusi empuk. Bunyi penyaman udara menderu-deru. Saya matikan dengan alat kawalan. Asap rokok berbaur dalam hawa dingin, menyesakkan.

“Ayah dah tak ada, Zaman. Mak cik pun bukannya sihat sangat. Cubalah berubah, jadi orang. Janganlah *enjoy* saja. Kita ni hidup di dunia Allah jadikan bukan untuk *enjoy*. Ada sebab dan tujuannya.”

“Kakak nak bagi ke tak? Yang berkhotbah ni apa hal?” Shahruzzaman bangun menghentak meja.

“Kakak takkan bagi. Kalau Zaman nak buat modal berniaga burger macam yang mak cik suruh, kakak turutkan, tapi kalau Zaman nak duit untuk ke Kuala Lumpur, berpesta dengan kawan-kawan dan ambil

ecstasy, kakak takkan layan.” Saya mengeraskan suara. Menunjuk rona berani meski ada kecut dalam hati. Saya bayangkan kalau Shahruzzaman melayangkan tumbukan padu ke muka, pastilah saya jatuh terpelanting.

“Baik, kalau kakak dah nak buat musuh, saya akan pegang itu.” Shahruzzaman keluar dari kamar. Daun pintu berdentum. Saya memejam mata.

Tuhan, berilah saya kekuatan dalam hal ini.

Daun pintu dibuka semula. Berdegup jantung. Khuatir kalau-kalau Shahruzzaman menerpa masuk dan nekad mencederakan. Saya buka mata. Teh Sofia di pintu, melangkah masuk.

Teh Sofia menyerlah jelita dengan kebaya labuh bersulam. Kain hitam juga bersulam. Tangan kiri meletakkan tas tangan di atas meja kerjanya. Tangan kanan membetulkan letak tudung hitam panjang yang terlerai sebelah. Teh Sofia tidak mahu turun ke ladang agaknya kalau sudah berpakaian begini.

“Katanya mahu mencari adik. Adik datang ke sini mencari kakak. Rupa-rupanya kakak pergi mencari abang” Teh Sofia meletak punggung sambil menyindir.

“Pia, maafilah. Kau mesti faham Pia, dia kawan lama.”

Teh Sofia senyum, tidak menoleh. “Kalau betul kawan, kau tak perlu tipu aku. Aku akan terima.”

“Aku takut kau kecil hati. Kamil yang mahu begitu. Kami nak berbual cerita-cerita lama. Kalau ...

kalau kau ada Pia, nanti terpinggir.” Saya semacam memujuk, tetapi rasa tawar.

“Boleh kau pandang aku dan beritahu aku yang Kamil cuma seorang kawan?”

Saya telan liur, menyeluruhi muka Teh Sofia.

“Pia, jangan begitu. Jangan paksa aku.”

Teh Sofia mengukir senyum sinis.

“Kalau benar kawan, aku mahu ambil jurusan. Kerja Tuhan siapa tahu?”

Saya bungkam.



Kerja-kerja di ladang betik makin membebankan. Saya dan Teh Sofia mulai bertungkus-lumus setelah biji benih bercambah. Kerja-kerja memindah ke beg politena memenatkan. Kerja-kerja penyeliaan memerlukan penyertaan kami sepenuhnya.

Lapan minggu berlalu. Saya dan Teh Sofia sudah boleh tersenyum puas melihat betik mencapai ketinggian 20 sentimeter. Penanaman diteruskan. Kerja-kerja membaja 15:15:15 berjalan lancar.

Pekerja-pekerja Bangladesh yang digajikan secara teratur tidak henti merumput di antara pohon-pohon yang ditanam. Panas mentari bukan lagi rintangan. Saya sudah melali diri. Teh Sofia memastikan kulit dilumur losen penahan matahari.

Jika betul perancangannya, saya pasti tanah subur ini akan menunjukkan hasil dalam empat bulan lagi. Saya tidak sabar menanti pokok berakar rerambut dengan daun berjambak di bahagian atas berderetan di sepanjang ladang. Tentu sahaja terasa indah melenggang di antara pepohon betik rendah.

Teh Sofia pula tidak sabar menanti daun-daun betik melebar bersusun dan bercuping panjang. Pekerja-pekerja kami berharap segera dapat menyentuh kelopak bunga berlilin, berwarna suram putih kuning yang turut menebar wangian.

Batang-batang kayu betik mulai berlubang jelas, juga berparut. Teh Sofia pulang dari ladang suatu hari separuh menjerit kerana bahagian pokok sudah dapat dirasakan getahnya.

“Cinta pertamaku sudah terbit!” jerit Teh Sofia lantas merangkul saya.

Kamil kerap menziarahi ladang. Seboleh-bolehnya saya mengawal perasaan, meski ada tanda pemuda ini tulus ingin menawarkan cinta. Berkali-kali sudah dia mengingatkan, dia pelangi. Saya berhati-hati.

Pertamanya, mungkin kerana mengenangkan projek kami masih belum menunjukkan hasil. Masih jauh dan banyak rintangan yang perlu dihadapi. Keduanya, saya tidak mahu memaksa diri memandangkan hubungan dengan Teh Sofia juga perlu dijaga. Saya tak pernah menyangka dia terlalu cemburu.

“Saya fikir, awak mesti keluarkan sedikit duit untuk bina semacam penghalang angin. Kadang-kadang angin turun dari bukit sana agak kasar.” Kamil memberi nasihat.

“Setahu saya purata hujan di sini sekitar seribu lebih milimeter saja.” Teh Sofia mencelah. Sama ada memang ikhlas menyampuk atau mahu menarik perhatian.

Saya mengira-ngira belanjawan dalam kepala.

“Betul. Suhu 30 darjah Celsius memang sesuai, tapi suhu 22 darjah Celsius yang optimum sebetulnya. Pancaran cahaya matahari terkawal, tapi saya bimbang angin menerjah.” Kamil merenung Teh Sofia, mengalih pandang kepada saya.

Kamil saya renungi. Mata kecil sepet terperosok ke dalam dengan lebam semula jadi di bawahnya itu redup memandang.

Teh Sofia berjalan beriringan dengan Kamil, pura-pura ingin bertanya tentang perancangan untuk membina penghalang angin itu. Kami berpusing-pusing di ladang. Pekerja-pekerja Bangladesh cekatan amat. Betik *Exotica*, *Exotica II* dan *Sekaki*, saya menghitung harinya membuahkan hasil.

Betik *Sekaki* di tanah hujung sudah mulai menerbitkan buah. Saya senyum membayangkan buah bermuka licin *Sekaki* itu bertukar kulit daripada hijau kepada kekuningan. Isinya nanti oren merah, amat pejal

manis. Masuk ke dalam mulut, dikunyah berair begitu lemak. Ah, gesitlah kau berbuah, hai *Sekaki*!

“Awak janganlah berangan, cepat sikit!” Kamil melaung dan Teh Sofia di sisi tersengih.

Malam itu saya terjaga daripada tidur pulas secara mendadak. Ada mimpi aneh. Mula-mula gemulah ayah muncul menasihatkan supaya banyak bersabar. “Jangan lupa solat nak, walau sibuk di ladang sekalipun. Sentiasalah berdoa kepada Allah.”

Kemudian saya lihat *thrips parvispinus* keluar sebanyak-banyaknya entah dari mana. Kutu daun itu menggarit pucuk daun dan kudup bunga tanpa segan silu. Saya seorang diri memegang balang *dimethoate*, menyembur kutu sambil bertakbir. Tetapi kutu-kutu itu tidak sedikit pun gentar, malah keluar semakin hebat, berjemaah.

Saat saya terjaga, hujan lebat di luar. Kedengaran bunyi bintik hujan kasar menghentak cermin tingkap. Saya bingkas mengibak langsir dan di luar malam bukat, angin menderu radang serta hujan mencurah penuh berang. Saya menggetap bibir.

Pintu diketuk. Saya buka. Teh Sofia dalam pijama, separuh pisat dengan wajah bimbang.

“Sal, aku takut pokok-pokok betik kita rosak dek ribut.” Teh Sofia duduk di tubir katil.

“Aku pun begitu. Baru Kamil sebut supaya kita bina penghalang angin.” Saya mengelus hujung tangan

Teh Sofia. Gambaran aneh dalam mimpi tadi terus menghantui dan pesan ayah juga tiba-tiba terngiang.

Pagi, kami bergegas ke ladang. Sebanyak manakah ribut membinasakan?

Teh Sofia menitikkan air mata. Betik *Sekaki* yang sudah mulai hamil terbongkah dari tanah seratus batang. Lima puluh batang *Exotica* tumbang. Keseluruhannya, banyak pokok yang rosak. Di hujung tempat *Exotica II* ditanam, air merendam akar. Sistem pengairan gagal berfungsi sama sekali menyebabkan tanah terkumbah. Air melimpah, banjir kecil terjadi.

“Tengoklah hasil kerja kita, Sal.” Teh Sofia teresak. Saya mengemam bibir, menahan sebak.

“Jangan nangis, Pia. Ini ujian Allah. Tuhan kan selalu punya rahsia.”



Kuat. Itulah patah kalimat yang saya ulang-ulang kepada diri. Ujian ini kecil benar. Memang dicongak hitung ada kerugian oleh taufan yang melanda, langsung memusnahkan sebahagian ladang betik, tetapi setelah kiraan dibuat, kerosakan cuma lima belas peratus. Masih banyak pohon betik yang tegap dan kekal tegak berdiri. Harapan masih ada.

Kamil datang memberi kata-kata semangat. Tidak ada yang lebih mendorong selain Kamil. Saya rasakan benar, dialah tunjang penggalak, sedang Tuhan sumber kekuatan.

“Orang Islam dapat pahala percuma, Pia, kalau bersabar.” Begitu saya ingatkan Teh Sofia, bersungguh-sungguh. Petani moden tanpa masalah alam ialah petani yang tidak teruji langsung. Paling tidak, mereka akan rasa kenikmatan berganda andai nanti bakti benar-benar menunjukkan hasil.

Kamil datang melawat ladang suatu hari.

“Memang betik ini agak rumit menjaganya, Salsabila. Sabar ... sabar. Kalau kita cintakan Allah sepenuhnya dalam usaha kita, akan ada ganjaran nanti. Jangan pernah takut mencintai-Nya.” Begitu pesan Kamil. Saya sematkan dalam hati, jadi rujukan saat susah nanti.

Kamil. Inikah payung tempat saya berlindung jika hujan? Inikah pelangi yang memancar seri pada saat segar setelah hujan pergi? Saya jadi terharu oleh galakan dan dorongan lelaki ini. Sudah tibakah masanya saya mengesahkan rasa cinta? Saya tahu Teh Sofia tidak berputus asa menaruh harap. Saya tahu Teh Sofia bersungguh memikat Kamil.

“Aku jaga batasnya. Khadijah sendiri isteri yang paling Nabi kasihi, melamar baginda.” Begitu pegangan dia.

Saya merenung Teh Sofia. Renung itu renung kosong.

“Jangan pandang aku begitu, Sal. Kau sendiri kata kau masih dan sekadar kawan dengan Kamil. Selagi itu sempadannya, selagi itulah aku berhak mencuba nasib.

Dia lelaki yang baik. Tentu aku juga mahu lelaki baik menjadi bapa kepada anak-anakku. Hatinya mungkin belum terbuka. Tapi kerja Tuhan siapa tahu?”

Lidah kelu saya kekal kelu bagai terkunci kerana disogok kenyataan seberani itu. Ia penuh padu kental dengan nekad.

“Hai, awak berangan ke? Dengar ke apa kata saya?”

Saya menggeleng, senyum. Saya diberitahu potensi pasaran papaya besar. Tahun 2000 saiz pasaran domestik lebih 116 ribu tan metrik sementara pasaran dunia menjanjikan lebih 199 ribu tan dengan Malaysia menduduki tempat kedua sebagai pengeluar betik dunia selepas Mexico. Pasaran tahun 2002 menunjukkan angka 78 juta. Maka sebetul-betulnya memang ia menguntungkan jika betul caranya.

Dinihari itu saya bangun awal. Usai bertahajud, berzikir di atas tikar sembahyang dan dalam bilang tasbih butir syukur serta tahmid juga istighfar, tiba-tiba saya disentak wajah Kamil.

Kamil namanya. Bukankah ada teman yang pandai berbahasa Arab dahulu pernah memaklumkan ia bermaksud sempurna? Kemudian dalam bacaan ayat suci al-Quran yang dilafaz lembut, saya terlihat pula wajah Teh Sofia. Teman yang tidak pernah berputus asa. Kadang terasa kasihan dan sedar betapa tidak adil perasaan dan hati manusia. Tetapi tak mustahil Kamil akan terpesona juga. Teh Sofia, dia perawan yang amat cantik. Renung mata tajam dengan bibir comel seulas.

Saya bangun membuka jendela. Embun subur menabur titis lembap di segenap muka bumi dan kulit dedaun. Tidak tahu bila saat subuh masuk menyergah, maka saya bukakan semua jendela. Ada seekor dua nyamuk berlegar terbang mengibar kepak penuh girang.

Saya berdoa kemudian, supaya Tuhan tidak berpaling daripada saya. Takdir Tuhan penuh hikmah dan moga kesabaran ini dilihat sebagai tampungan separuh daripada iman.

Lamunan saya pada awal pagi terkacau oleh deru ekzos motor yang menggerus di hujung jalan sana. Ingatan tertumpu kepada Shahruzzaman. Bagaimanakah dapat saya menasihati adik ini?

Memang kami renggang dan tiada langsung bentuk hubungan yang dapat diterjemah sebagai mesra. Tetapi dia kekal adik sebapa, maka tidak akan saya biarkan dia sesat jauh.

Bagaimana mengejutkan manusia atau hamba Tuhan yang sedang lupa? Tuhan buat begitu kerana memberikan ujian, kadang manusia tak tertahan, acap juga manusia tak mampu menanggung.

Shahruzzaman, saya perlu menemui mak cik. Menengok-nengok apa yang dapat saya bantu. Saya tertidur semula di atas sejadah dan kemudian tersedar oleh azan subuh yang berkumandang merdu dari masjid berhampiran. Saya bangun untuk menunaikan kewajipan.

Apabila saya ke ladang saat matahari mahu meninggi, Teh Sofia sudah di sana melihat beberapa pekerja yang sibuk menanam semula anak-anak pokok yang tumbang dan belum selesai diurus semula.

Saya melilau di antara deretan pohon papaya. Saya memegang beberapa kuntum kecil bunga betik. Kejadian Allah memang hebat. Betik punyai tiga jantina. Yang menghasilkan bunga jantan sepuluh stamen, bunga betina pistil besar sedang bunga *hermaphrodite* menghasilkan buah bujur panjang. Tuhan Maha Kaya menjadikan papaya begini. Atur alam yang menggamamkan.

Saya sedang membelek sebatang pohon betik. Benar-benar mengamatinya saat angin lembut mengelus pipi mengibarkan tudung.

Saya lihat ada reput lembut aneh di sekeliling batang berhampiran tanah pada aras akar. Saya lihat dedaun gugur dilanda angin dan batang daun yang semak tidak habis dicantas dan dibuang pekerja, ditimbun berdekatan pokok. Saya benar-benar meneliti. Mata terbelalak.

Saya berdiri tegak melihat Teh Sofia di hujung. Melaung. Tidak didengar. Saya bergegas berlari anak. Teh Sofia kemudian menyedari. Jadi kaget. Sazli yang tidak jauh juga kehairanan.

“Apa, ular?” tanya Teh Sofia dalam pinga.

Dalam cungap saya bersuara keras, “Cepat ke stor ambil *metalaxyl* dan *fosetyl-Al*, kita mesti kerja keras bubuh ubat tu ke pangkal pokok di tanah A.”

“Tanah A? Luas tu. Kenapa Sal?”

“Betik kita kena penyakit.”

“Apa?”

“Reput akar. Cepat atau kita akan kehilangan sebahagian besar pokok-pokok di situ.”



IMAN
publication
NOT FOR SALE